

Duti Setem Ke Atas Surat Cara Perjanjian Perkhidmatan

Mulai 1 Januari 2009, duti setem ke atas surat cara perjanjian perkhidmatan telah diselaraskan supaya tertakluk kepada duti setem pada kadar *ad valorem* sebanyak RM5 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya.

Kementerian Kewangan telah mengkaji semula isu pengenaaan duti setem *ad valorem* ke atas surat cara perjanjian perkhidmatan. Sehubungan itu, YB Menteri Kewangan selaras dengan kuasanya di bawah seksyen 80(2), Akta Setem 1949 telah bersetuju supaya surat cara perjanjian perkhidmatan yang disempurnakan **mulai 15 September 2009 hingga 31 Disember 2010** hanya dikenakan duti setem sehingga RM50 sahaja dan duti selebihnya diremitkan.

Perintah peremitan duti setem berkenaan tidak dapat diwartakan dengan segera sebelum 15 September 2009. Oleh itu, sekiranya terdapat surat cara yang perlu disetamkan sebelum perintah berkenaan berkuat kuasa, kelulusan peremitan duti setem akan diberi secara kes demi kes di bawah seksyen 80(1A), Akta Setem 1949.

Permohonan untuk kelulusan di bawah seksyen 80(1A), Akta Setem 1949 tersebut hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Analisa Cukai
Aras 6, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
(u.p. Setiausaha Bahagian Analisa Cukai)

Mulai 1 Januari 2011, duti setem *ad valorem* sepenuhnya akan dikenakan ke atas surat cara perjanjian perkhidmatan. Dengan itu, syarikat perlu memasukkan kos duti setem *ad valorem* dalam jumlah kos projek atau jumlah kos perkhidmatan.

Bagi mengurangkan kos bayaran duti setem, syarikat dinasihatkan supaya mengasingkan bahagian (peratusan) kos bahan mentah dengan kos perkhidmatan dalam sesuatu perjanjian perkhidmatan. Dalam keadaan ini, bayaran duti setem akan menjadi kurang kerana duti *ad valorem* hanya akan dikenakan ke atas bahagian kos perkhidmatan sahaja.

Di samping itu, dimaklumkan juga, mulai 1 Januari 2011 kelulusan peremitan duti setem ke atas surat cara perjanjian kontrak pembinaan seperti yang diumumkan sebelum ini terpakai.

Bahagian Analisa Cukai
Perbendaharaan Malaysia

9 September 2009